



## NOTIS MAKLUMAN

### **BAYARAN BALIK (*REIMBURSEMENT*) BAGI TUNTUTAN FI/ BAYARAN PEJABAT TANAH**

Dimaklumkan bahawa Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) akan menghentikan bayaran balik (reimbursement) tuntutan fi/ bayaran berkaitan gadaian pembiayaan perumahan, peletakhakan, kaveat dan lain-lain yang berkaitan fi/ bayaran pejabat tanah oleh peminjam atau peguam. Bayaran balik fi/ bayaran pejabat tanah hanya boleh dituntut dengan LPPSA **sehingga 30 September 2019** sahaja.

Bagi permohonan pembiayaan perumahan yang baharu, fi/ bayaran bagi urusan pejabat tanah boleh dimasukkan ke dalam sebutharga yuran guaman (format baharu) yang perlu disertakan bersama borang permohonan pembiayaan.

Format baharu sebutharga yuran guaman boleh dimuat turun [di sini](#) atau diakses daripada laman rasmi LPPSA pada menu Agensi/ Borang-Kegunaan Agensi/ Borang Sokongan Permohonan Pembiayaan.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Pusat Panggilan Utama di talian 03-88801600 atau melalui portal aduan/ pertanyaan rasmi LPPSA di [www.lppsa.gov.my](http://www.lppsa.gov.my)

**14 Ogos 2019**